

# Dr. Mahathir puji sikap profesional kakitangan awam

UM 15 OCT 2002

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memuji sikap profesional kakitangan awam yang tidak melancarkan sebarang mogok sejak lebih 20 tahun lalu.

Beliau turut menyatakan penghargaan kepada kesatuan sekerja khususnya Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang berjaya mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Jabatan Perkhidmatan Awam 2002 bertemakan 'Jasamu Dikenang Baktimu DiJulang' di Hotel Palace Of Golden Horses, di sini, malam tadi.

Turut hadir Ketua Pengerah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, antara faktor yang mendorong

kecemerlangan sektor awam adalah menolak amalan rasuah dan nepotisme.

"Ini jelas terbukti dengan keupayaan JPA mengurus dan mentadbir kewangan negara yang berjumlah lebih RM30 bilion setahun," katanya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan kira-kira satu juta kakitangan awam di negara ini supaya meningkatkan prestasi kerja menerusi penguasaan kemahiran dan ilmu secara berterusan.

Katanya, kecemerlangan kakitangan awam ini dapat dilihat dengan undangan yang diterima dari negara-negara asing untuk mempelajari cara mereka mentadbir negara dengan berkesan.

Pada majlis itu Dr. Mahathir turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian oleh Yusni Hamid dan Kumpulan Koprata serta sajak 'Jejak-Jejak Jasa Mu'.